

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 27 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8219

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kementerian mengharamkan Perhimpunan Bersih 4 yang mempunyai objektif yang mempromosi demokrasi dan pilihanraya yang bersih, tetapi memberi kelulusan kepada Perhimpunan Kebangkitan Maruah Melayu yang berpakaian merah yang penuh berbaur perkauman diadakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan tidak pernah menghalang sebarang perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak selagi perhimpunan tersebut memenuhi keperluan yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau kententeraman awam.

Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi keperluan Akta Perhimpunan Aman 2012.

Di samping itu, pihak polis tidak membenarkan Perhimpunan BERSIH 4 diadakan atas sebab tidak mematuhi dan memenuhi keperluan Akta berkenaan kerana pihak penganjur telah enggan memindahkan tempat berhimpun dan bertegas untuk mengadakannya di lokasi yang tidak dibenarkan serta lokasi tersebut tidak mendapat persetujuan daripada pemilik premis atau tempat berkenaan. Perhimpunan tersebut juga dianjurkan oleh pihak BERSIH 2.0 iaitu sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar di bawah Seksyen 6 Akta Pertubuhan 1966. Sehubungan itu, perhimpunan itu adalah berlawanan dengan undang-undang yang sedia ada.